



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : **PEGAWAI PENERANGAN GRED S41 – PEKERJA SAMBILAN HARIAN**
(b) Kementerian / Jabatan : Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial
2. Gaji Minima Yang Ditawarkan : **RM 100.00 SEHARI** (akan dibayar berdasarkan bilangan hari bertugas setiap bulan)
3. Syarat Lantikan Wajib : (a) Warganegara Malaysia;
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
4. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
(a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (keutamaan kepada Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa atau Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan)
(b) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat SPM / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. Taraf Jawatan : **Perkhidmatan Sementara (Pekerja Sambilan Harian: PSH)**
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Penerangan Gred S41 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim Perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang di buat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas :
 - i) Bertanggungjawab sebagai urusetia-urusetia bagi Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah organisasi dan Mesyuarat Jawatankuasa Korporat Komunikasi di bawah Lembaga Pengarah.
 - ii) Bertanggungjawab terhadap kerja-kerja dan urusan media seperti urusan sidang akhbar, draf kenyataan akhbar, tv dan radio.
 - iii) Bertanggungjawab sebagai penjaga akaun sosial media organisasi dan memastikan berita disalurkan melalui akaun sosial media organisasi.
 - iv) Bertanggungjawab sebagai pegawai aduan pelanggan organisasi.
 - v) Bertanggungjawab memastikan urusan kaji selidik kepuasan pelanggan di selesaikan
 - vi) Bertanggungjawab menguruskan maklumbalas parlimen dan penugasan pegawai ke parlimen

- vii) Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja penerbitan organisasi
- viii) Bertanggungjawab menyelaras laporan tahunan organisasi
- ix) Bertanggungjawab sebagai pegawai yang menguruskan acara-acara promosi kesedaran dan penguatkuasaan organisasi secara bulanan.
- x) Melakukan arahan dari semasa ke semasa seperti yang diarahkan.

8. **Cara Memohon**

- :
- (i) Permohonan hendaklah menggunakan surat biasa disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran pasport dan hendaklah disertakan dengan **satu (1)** salinan fotostat sijil dan dokumen-dokumen berikut yang diakui sah:-
 - a. Kad Pengenalan;
 - b. Sijil Kelahiran;
 - c. Sijil Tamat Persekolahan;
 - d. Salinan STPM/STAM/SPM/PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - e. Salinan Ijazah berserta transkrip (sekiranya berkaitan);
 - f. Resume Calon;
 - g. Lain-lain dokumen sokongan; dan
 - h. Pengiktirafan kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil daripada JPA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS)

**KETUA EKSEKUTIF,
PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
ARAS 5, MENARA PRISMA PLOT 3C4,
PRESINT 3, PERSIARAN PERDANA,
62675 PUTRAJAYA**

- (ii) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
- (iii) Pemohon hendaklah tuliskan jawatan yang dipohon diatas sebelah kiri sampul surat.
- (iv) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (v) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

10. **Tarikh Tutup Permohonan**

:

20 November 2017

(ZAMANE BIN ABDUL RAHMAN)

Ketua Eksekutif

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh : 31 Oktober 2017



**PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

IKLAN JAWATAN KOSONG